

Tiada warga asing terkandas di KLIA

Kuala Lumpur: Jabatan Imigresen menafikan ada warga asing terkandas atau diminta berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebaliknya mereka menunggu giliran bagi membayar kompaun.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimie Daud, berkata warga asing itu juga dalam proses mendapatkan Memo Periksa Keluar (Check Out Memo) sebelum dibenar meninggalkan Malaysia kerana kesalahan tinggal lebih masa.

“Imigresen merujuk kepada laporan berita beberapa akhbar tempatan berkenaan sambutan luar biasa Program Rekalibrasi Pulang PATI (pendatang asing tanpa izin) di KLIA.

“Laporan turut menyatakan ada ramai PATI terkandas dan terlepas penerbangan di kaunter

Imigresen kerana proses kerja mengambil masa.

“Semua warga asing itu tidak terperangkap atau diminta berkumpul di KLIA sebaliknya mereka menunggu giliran membayar kompaun RM500 dan mendapatkan Memo Periksa Keluar,” katanya.

Khairul Dzaimie berkata, sambutan terhadap program rekalibrasi pulang sangat menggalakkan iaitu setakat semalam, seramai 101,691 PATI berdaftar dan 83,117 daripada jumlah itu sudah meninggalkan negara.

“Bagi kaunter khas di KLIA, mulai 5 hingga 20 Julai, 3,483 orang PATI pulang melalui perkhidmatan kaunter ini. Jumlah PATI datang ke KLIA di luar jangkaan dan melebihi kapasiti ruang menunggu disediakan di tingkat tiga KLIA.

“Selain itu, kita mengesan dalam kalangan mereka terlepas penerbangan kerana datang lewat, tetapi terus kekal berada di KLIA untuk menunggu giliran dan penerbangan seterusnya,” katanya.

Jabatan Imigresen mengambil langkah bagi mempercepat dan melancarkan urusan pulang PATI melalui Kaunter Khas di KLIA.

“Antaranya ialah Imigresen berunding dengan pihak penerbangan KLIA untuk penambahan kaunter dan lokasi menunggu giliran yang lebih sesuai serta meluaskan operasi kaunter Rekalibrasi Pulang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2).

“Sebanyak 20 kaunter tambahan dan ruang menunggu yang baharu akan dibuka secara berpusat di Short Term Car Park

KLIA yang dijangka dapat menampung kapasiti seramai 850 sehingga 1,000 orang pada satu-satu masa,” katanya.

Lapan kaunter dan ruang menunggu akan dibuka di aras dua KLIA2 dengan kapasiti seramai 500 orang pada satu masa. Kedua-dua lokasi kaunter dan ruang menunggu baharu ini dijangka akan dapat memulakan operasi pada minggu depan.

Sebagai tambahan, Imigresen juga sedang mengambil tindakan untuk membuka kaunter khas di Pintu Masuk Laut di Johor bagi memberi kemudahan kepada PATI warga Indonesia pulang segera menggunakan feri.

“Imigresen juga ingin memaklumkan hanya PATI yang mempunyai slip ujian RT PCR negatif sahaja dibenarkan berurusan di kaunter khas ini,” katanya.